

## SUSILA DAN AKHLAK: KONSEP ETIKA DARI PERSPEKTIF TAMADUN INDIA DAN TAMADUN ISLAM

Jessica Ong Hai Liaw  
[jessica@upnm.edu.my](mailto:jessica@upnm.edu.my)

Abdul Hamid Moiden  
Mohammad Daud Johari  
Wong Wai Loong  
Rogis Baker  
Noor Azmi Mohd Zainol  
Ahmad Azan Ridzuan

*Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

### ABSTRAK

Etika merupakan elemen penting dalam kehidupan setiap manusia. Hampir semua tamadun utama dunia meletakkan etika pada martabat yang tinggi. Tamadun India menobatkan etika sebagai susila iaitu corak kehidupan yang baik yang mesti diamalkan untuk menjamin kesejahteraan masyarakat. Tamadun Islam pula mencorakkan etika sebagai akhlak manusia. Akhlak ini merangkumi hubungan manusia dengan Allah, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam. Makalah ini menghuraikan konsep etika dari perspektif tamadun India dan Islam. Selain itu, kertas ini menjelaskan perbandingan konsep susila dalam tamadun India dan konsep akhlak dalam tamadun Islam. Kajian berbentuk analisis dokumen dan kajian perpustakaan. Kajian ini hanya tertumpu pada konsep susila dan akhlak dalam tamadun India dan Islam. Data kajian dianalisis melalui analisis komparatif secara kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan konsep susila dan akhlak mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan yang ketara.

**Kata Kunci :** Etika, susila, akhlak, tamadun India, tamadun Islam.

### PENGENALAN

Etika merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia. Manusia yang beretika sentiasa dipandang mulia dari kaca mata masyarakat. Etika begitu luas cabang pengertiannya sehingga merangkumi bidang pendidikan, perniagaan, hubungan kemasyarakatan dan hubungan antarabangsa. Semua tamadun utama dunia meletakkan etika setaraf dengan agama dan kepercayaan. Tamadun India dan Islam turut mengutamakan penerapan etika dalam kehidupan masyarakat.

Istilah etika berasal dari perkataan Yunani kuno iaitu ‘ethos’ yang membawa pengertian kebiasaan, adat, akhlak, keperibadian dan watak. Ethos juga membawa maksud adat kebiasaan. Etika juga boleh ditakrifkan sebagai karakter. Etika juga dikenali sebagai beberapa peraturan yang telah ditetapkan untuk dipatuhi oleh individu mahupun ahli kumpulan dalam sesuatu bidang seperti dalam bidang perubatan yang disebut sebagai etika dalam perubatan (Collins, 2009).

Dalam Bahasa Inggeris etika dikenali sebagai ‘ethics’ dan diterjemahkan sebagai akhlak, tatasusila dan kesusilaan. ‘Ethics’ juga diertikan sebagai sains yang menumpukan perhatian kepada akhlak. Pendek kata, etika juga boleh ditakrifkan sebagai prinsip akhlak dan peraturan-peraturan perilaku manusia mengikut sesuatu situasi yang mencerminkan aksi melalui pertuturan, penulisan dan bahasa badan.

Menurut Sharifah (2000), etika dalam Bahasa Melayu bermaksud akhlak, kepercayaan ataupun tanggapan terhadap sesuatu perkara sama ada ianya benar, salah, baik atau buruk. Kamus Dewan Edisi Keempat pula mentakrifkan etika sebagai ilmu berkaitan prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia pula, etika diertikan sebagai ilmu pengetahuan tentang asas-asas akhlak.

## TAMADUN INDIA

### Asal-usul Tamadun India

Tamadun India bermula di Lembah Indus. Lembah Indus terletak di kawasan Barat Laut India yang dilingkari banjaran Makran, Pergunungan Baluchistan, Punjab dan Rajasthan, Kathiawar dan Gujerat. Sungai Indus yang bermula dari kawasan Pergunungan Himalaya dan mengalir menuju laut Arab menjadikan kawasan lembah ini sesuai untuk aktiviti pertanian, penternakan dan punca utama sumber air. Ketiga-tiga ciri ini menjadikan lembah ini menjadikan pilihan manusia untuk penempatan. Tamadun ini bermula sekitar 2500 SM dan mengalami zaman kemerosotan sekitar 1800 SM.

### Agama Hindu sebagai Tiang Seri Tamadun India

Agama dan kepercayaan merupakan ciri asas setiap tamadun utama dunia. Agama Hindu merupakan salah satu sumbangan terbesar tamadun India. Agama Hindu adalah agama tertua di dunia. Agama ini seringkali dikategorikan dalam kelompok agama politeisme iaitu agama yang memuja banyak dewa. Namun, pengkategorian ini adalah salah. Menurut Micheal Kenne (2006), Brahman adalah sumber segala kekuatan dalam agama Hindu. Brahman memanifestasikan dirinya sebagai manusia dalam berbagai-bagai bentuk. Dalam agama Hindu terdapat 32 dewa yang mempunyai fungsinya yang tertentu.

Penganut agama Hindu mempercayai konsep Trimurti. Trimurti adalah bahasa Sanskrit. ‘Tri’ bermaksud tiga dan ‘murti’ bermaksud jelmaan. Trimurti dalam agama Hindu terdiri daripada Dewa Brahma yang berperanan mencipta, Dewa Vishnu yang memelihara dan menjaga dan Dewa Shiva yang memusnahkan (Matchett, Freda, 2003). ‘Dattatreya’ adalah jelmaan ketiga dewa dalam satu ‘avatar’.

Kitab Veda adalah kitab tertua suci tertua agama Hindu (Swami Niverdananda, 1944) yang terbahagi kepada Rig Veda, Yajurveda, Sama Veda dan Atharvaveda merupakan kitab utama agama Hindu. Perkataan ‘Veda’ dalam bahasa Sanskrit secara literal bermaksud ‘untuk mengetahui’. Kitab-kitab ini menghimpun ilmu esoterik dan kerohanian hasil penemuan golongan alim atau Rishi ketika mereka bermeditasi (Swami Harshanda, 2008).

Agama ketiga terbesar di dunia ini memiliki ramai pengikutnya di benua Asia di India, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Nepal. Para penganut bebas mengamalkan ritual keagamaan mereka tanpa sebarang sekatan dan halangan di negara-negara Nepal mengiktiraf agama ini sebagai agama rasmi.

## Konsep Susila dalam Agama Hindu

Asas ajaran agama Hindu terdiri daripada tattva (falsafah), susila (etika) dan upacara (ritual). Ketiga-tiga ajaran ini saling berkait antara satu sama lain.

Susila berasal daripada kata Sanskrit. ‘Su’ bermaksud baik dan bagus. ‘Sila’ pula membawa pengertian dasar, prinsip, matlamat, peraturan dan norma kehidupan. Susila juga dapat didefinisikan sebagai kesopanan, beradab dan berbudi bahasa (Atmaja, 2010). Sila terletak di bawah ajaran ‘Tattva’ dari ‘Saptangga Dharma’ yang terdiri daripada Sila (kesusilaan), Yadnya (persembahan suci), Tapa (pengendalian diri), Dana (menderma), Prawrjya (penyebaran dharma), Diksa (upacara inisiasi) dan Yoga (menunggalkan diri dengan Tuhan).

Susila bermaksud norma atau prinsip kehidupan manusia memandu manusia ke arah kehidupan yang baik dan bagus. Agama Hindu melihat sesuatu yang baik untuk seseorang pasti baik untuk orang lain. Hal ini demikian kerana sesuatu kebaikan dilihat secara kumulatif dalam konteks masyarakat yang mewakili persepsi setiap individu.

Susila juga dikenali sebagai etika dan moral dalam agama Hindu. Susila dalam agama Hindu berkait rapat dengan perbuatan iaitu ‘karma’. Perbuatan yang baik adalah ‘subha karma’ dan perbuatan yang jahat adalah ‘asubha karma’.

Matlamat utama susila dalam agama Hindu adakah untuk mencari kebenaran dalam setiap perbuatan. Perbuatan yang baik mendapatkan kegembiraan dan kesejahteraan kehidupan. Selain itu, susila meneliti kebaikan yang dilakukan oleh manusia mengikut lunas-lunas kebaikan agar kehidupan manusia di atas muka bumi memberikan manfaat kepada dirinya dan juga kepada orang lain. Di samping itu, susila adalah keupayaan (karma) manusia yang menggunakan fizikalnya (angga) dan kecerdasan rohani (sukma sarira). ‘Sukma sarira’ terdiri daripada fikiran (manas), kecerdasan (buddhi) dan kesedaran murni (atman) yang menyelesaikan pelbagai kerumitan kehidupan tentang tatacara kehidupan manusia yang (suputra).

Agama Hindu mempercayai susila manusia dan alam mempunyai perkaitan yang erat. Susila mempertahankan ‘dharma’ iaitu kebaikan. Hak ini demikian kerana agama Hindu menganggap manusia yang bersusila mempertahankan dunia daripada ‘dursila’ atau kejahanaman. Seseorang yang bersusila baik akan sentiasa dihormati dalam kalangan masyarakat. Setiap tindakannya menjadi rahmat kebaikan dan menjadi ikutan pelbagai lapisan masyarakat. Susila mereka menjadi benteng yang melindungi dunia daripada kejahanaman dan kehancuran. Selagi ‘dharma’ diamalkan oleh manusia, selagi itu bumi akan terlindung daripada kehancuran. Apabila terhakis ‘dharma’ dengan berkurangnya susila dalam kehidupan manusia, ‘adharma’ iaitu kejahanaman akan bertambah. Ini akan menyebabkan kebinasaan dan akhirnya akan menghancurkan bumi yang menjadi tempat manusia bermastautin. Agama Hindu menjelaskan manusia dan alam saling berhubung antara satu sama lain. Setiap tingkah laku manusia mendaangkan kesan kepada alam.

Konsep susila dalam agama Hindu berkaitan dengan karma. Karma bermaksud hasil tindakan seseorang akan mendaangkan kesan kepada dirinya. Dalam erti kata lain, karma adalah pantulan hasil daripada sesuatu tindakan. Misalnya, apabila seorang petani menyemai benih padi, pastinya pada suatu hari dia akan menuai hasil. Begitu juga apabila kita melontar sebiji bola ke dinding, bola itu akan terpantul ke arah kita. Karma seseorang akan dibalas dalam kehidupan ini atau dalam kehidupan akan datang. Kelahiran semula adalah salah satu pegangan setiap penganut Hindu. Mereka percaya manusia yang meninggal dunia akan dilahirkan semula mengikut karma yang dilakukannya.

Susila dalam agama Hindu menitikberatkan hubungan sesama manusia. Manusia adalah makhluk sosial yang hidup secara berkelompok. Manusia berinteraksi dalam kelompok masyarakat untuk memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan. Dalam hidup bermasyarakat, susila penting untuk memperkuatkan hubungan silaturahim, membina keharmonian kehidupan dan mewujudkan keserasian ketika berkomunikasi. Kepentingan sekelompok masyarakat lebih utama daripada kepentingan seorang individu. Setiap individu tidak boleh melakukan sesuatu perbuatan yang mengganggu dan menggugat kesejahteraan masyarakat. Suhardaha (2009) menyimpulkan susila sebagai satu bentuk pengendalian diri dalam pergaulan hidup.

## **TAMADUN ISLAM**

### **Kelahiran Tamadun Islam**

Tamadun Islam muncul di tengah padang pasir di Jazirah Arab. Kemunculan satu tamadun di padang pasir yang panas dan gersang mewujudkan satu keganjilan yang luar biasa dalam kalangan pengkaji sejarah. Hal ini demikian kerana tamadun-tamadun utama dunia muncul di lembah sungai. Contohnya, tamadun Mesopotamia muncul di lembah Sungai Tigris dan Euphrates, tamadun India bermula di lembah Sungai Indus, tamadun Mesir di lembah Sungai Nil dan Sungai Hwang Ho pula menjadi saksi kemunculan tamadun China. Tamadun Islam pula lahir dan berkembang di Hijaz yang merupakan tanah yang kering dan kontang. Namun demikian, tamadun unik memiliki ciri-ciri sesebuah tamadun seperti penempatan kekal, kehidupan berorganisasi, sistem pemerintahan, pengkhususan pekerjaan serta agama dan kepercayaan.

Pembentukan tamadun Islam adalah berdasarkan ajaran agama Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Lunas-lunas dan hukum-hukum agama Islam menjadi inti pati asas pembentukan tamadun ini. Antara asas utama tamadun Islam adalah akidah, akhlak dan ilmu. Akidah dari sudut bahasa bermaksud simpulan iman, pegangan yang utuh atau keyakinan yang kuat. Akidah dari sudut istilah bererti kepercayaan dengan seluruh jiwa dan raga secara muktamad tanpa sebarang perasaan curiga, ragu-ragu dan syak wasangka. Akidah Islam ialah kepercayaan dan keyakinan mutlak Allah sebagai ‘Rabb’ dan ‘Ilahi’, mengakui kudrat dan iradat-Nya dan mengakui tiada lain yang disembah selain diri-Nya. Akhlak diertikan sebagai budi pekerti, tabiat, sifat, etika atau tingkah laku seseorang. Setiap orang memiliki tahap akhlak yang berbeza bergantung pada sifat-sifat yang ada pada dirinya. Ilmu merupakan salah satu asas yang ditekankan dalam tamadun Islam. Ayat pertama dalam al-Quran bermula dengan Iqra’ (bacalah). Pembacaan dan penulisan adalah asas kepada ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan membangunkan citra sesebuah tamadun melalui perkembangan penerokaan dalam bidang sains, teknologi, seni bina, seni ketenteraan, pertanian dan falsafah. Kemajuan serta penemuan dalam bidang-bidang menjadi pemangkin kepada perkembangan dan kemajuan sesuatu tamadun. Menurut Mahayuddin (1998), asas keadilan, semangat kejiranan, toleransi dan kebebasan beragama turut menjadi asas kepada tamadun Islam. Kelemahan dalam mana-mana asas ini akan melemahkan dan mengakibatkan keruntuhan sesebuah tamadun.

### **Agama Islam sebagai Teras Utama Tamadun Islam**

Perkataan Islam dari segi bahasa berasal daripada kata dasar ‘salama’ yang bermaksud patuh, taat, aman dan damai. Islam dari sudut istilah syarak pula bermaksud tunduk, taat dan patuh pada perintah Allah SWT seperti yang terkandung dalam ajaran Nabi Muhammad SAW. Pengaruh

agama Islam dikenali sebagai Muslim. Setiap Muslim bersaksi tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Agama Islam merupakan agama yang direndai Allah. Nabi Muhammad SAW telah diangkat sebagai nabi dan rasul yang diperintahkan menyampaikan ajaran Islam kepada umat manusia. Nabi Muhammad SAW telah menyampaikan risalah-risalah Allah selama 23 tahun. Al-Quran merupakan kitab agama Islam yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantara malaikat Jibrail yang menyampaikan wahanah Allah.

Setiap umat Islam mestilah mempercayai lima rukun iman iaitu mengucapkan dua kalimah syahadat, mendirikan solat wajib lima sehari, berpuasa pada bulan Ramadan, menunaikan zakat dan menunaikan haji bagi mereka yang berkemampuan. Selain itu, enam rukun Islam yang wajib dipercayai adalah percaya kepada Allah, percaya kepada malaikat Allah, percaya kepada kitab-kitab Allah, percaya kepada para rasul, percaya kepada hari kiamat dan percaya kepada qada' dan qadar.

Tamadun Islam hanya mengakui keesaan Allah sebagai Tuhan yang mencipta alam dan segala benda. Manusia adalah hamba Allah. Setiap hamba mestilah hidup berlandaskan hukum yang ditetapkan oleh Allah. Setiap amal kebaikan akan dianugerahi dengan pahala dan setiap kejahatan dianggap dosa. Pahala dan dosa akan menjadi ukuran pada hari pembalasan di akhirat sebelum manusia dimasukkan ke dalam syurga dan neraka dengan belas kasihan Allah.

### Konsep Akhlak dalam Agama Islam

Islam amat menitikberatkan akhlak umatnya. Sejak kecil setiap kanak-kanak Muslim akan diberikan didikan agama dan akhlak secara formal atau tidak formal. Tingkah laku seorang adalah berdasarkan akhlak yang sebatи dalam dirinya. Islam menuntut setiap umatnya membaiki akhlak diri dan seterusnya menjadi suri teladan kepada penganut agama lain. Akhlak yang mulia mampu menyehatkan masyarakat dan mengekalkan keamanan di dalam negara.

Akhlik berasal dari bahasa Arab iaitu ‘khuluq’ yang ditakrifkan sebagai perangai, tingkah laku, tabiat, kepercayaan atau pegangan. Akhlak ialah perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang (Asmawati Suhid, 2009). Akhlak itu terbahagi kepada dua iaitu akhlak yang mulia serta terpuji (mahmudah) dan akhlak yang buruk serta tercela (mazmumah). Menurut Imam al-Ghazali (1985) akhlak bukanlah ilmu atau pengetahuan tentang kebaikan dan keburukan. Beliau menegaskan bahawa akhlak itu suatu tabiat peribadi yang menentukan corak tindak tanduk seseorang dalam hidupnya (Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, 2011).

Seseorang dianggap berakhlik mulia apabila dia mematuhi segala perintah Allah dan menjauhi segala larangannya. Allah memuji umat Islam dalam surah al-Imran ayat 110 yang bermaksud: “Kamu adalah umat terbaik untuk manusia, menuju kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar dan beriman kepada Allah” (Surah Al-Imran, 3:10).

Islam bersumberkan ajaran Rasulullah SAW seperti yang diwahyukan Allah kepadanya. Nabi Muhammad SAW adalah model terbaik akhlak Islam kepada umat manusia. Menurut Bukhari, sabda Nabi Muhammad yang bermaksud, “Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia” (Mohd Liki Hamid: 118). Nabi Muhammad SAW berusaha sedaya upaya mengubah masyarakat Arab Jahiliah yang berakhlik kasar, bengis dan zalim kepada yang berakhlik mulia seperti pemaaf, penyabar, tawaduk dan adil.

Islam menggariskan akhlak umat Islam seperti akhlak dengan Allah dengan mematuhi segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Kedua, akhlak kepada Nabi Muhammad SAW sebagai nabi dan rasul akhir zaman, akhlak terhadap diri sendiri dengan menjaga rohani dan

jasmani, akhlak terhadap keluarga dengan menjaga hubungan silaturahim dan tidak melakukan perbuatan yang mencemar nama baik keluarga, akhlak kepada masyarakat dengan menjaga hubungan kekitaan dalam masyarakat dan akhlak dengan alam dengan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar. Pendek kata, akhlak dari perspektif Islam merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Proses pembelajaran dan pemantapan akhlak adalah satu proses yang sangat panjang. Pendidikan akhlak bermula sejak manusia dilahirkan ke dunia sehingga manusia dikembalikan ke liang lahad.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, konsep susila dan akhlak mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Objektif utama kedua konsep ini adalah untuk menjadikan manusia bersifat mulia, menghindari diri daripada kejahanan dan memelihara keharmonian dalam masyarakat. Namun demikian, agama Hindu yang menjadi tiang seri tamadun India menghubung jalin konsep susila dengan karma dan kelahiran semula. Susila seseorang akan mempengaruhi karmanya dalam kelahiran semula. Selain itu, susila dalam agama Hindu juga dikaitkan dengan alam. Agama Hindu meyakini penganutnya, susila manusia mempengaruhi survival alam. Tingkah laku yang jahat akan membina sakan alam. Agama Islam yang menjadi teras utama tamadun Islam mengaitkan akhlak manusia dengan ajaran al-Quran. Seorang penganut agama Islam mestilah hidup berdasarkan hukum-hakam yang ditetapkan oleh Allah yang berpandukan ajaran Nabi Muhammad SAW. Akhlak dari perspektif Islam mendasari akhlak manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Setiap perbuatan manusia akan dikelompokkan kepada pahala dan dosa. Pahala dan dosa menjadi kayu pengukur untuk seseorang ditempatkan ke dalam syurga yang penuh dengan kesenangan atau dihumban ke dalam neraka yang penuh dengan kesengsaraan.

## RUJUKAN

- Al-Qu’ran.
- Al-Ghazali. (1985). *Al-Munqidh min al-Dalal*, (ed.) ‘Abd Al-Halim Mahmud, Dr., cet. 2, h. 358.  
Dar al-Ma’arif: Kaherah.
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Atmaja, I Made Nada. (2010). *Etika Hindu*. Surabaya: Paramita.
- Collins, D. (2009). *Essentials of Business Ethics: Creating an Organization of High Integrity and Superior Performance*. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons.
- Kamus Dewan. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Keene, Michael. (2006). *Agama-Agama Dunia*. Kanisius: Yogyakarta.
- Keene, Michael. (2006). *Agama-Agama Dunia: Induisme, Yudaisme, Buddhisme, Kristianitas, Islam, Sikhisme, Konfusianisme, Taosisme, Zoroastrianisme, Shintoisme, Kepercayaan Baha’i* (terj. F. A. Soeprapto), h.10-36. Kanisius: Yogyakarta.
- Mahayudin Haji Yahya. (1998). *Islam Di Alam Melayu*, cet.1. Dewan Bahasa Dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid. (2011). *Peribadi Muslim*. Selangor: Power Press & Design Sdn. Bhd.
- Matchett, Freda. (2003). *The Puranas (Purana-Purana)*, in: Flood, h. 139.
- Mohd Liki Hamid. (2002). *Pengajian Tamadun Islam Edisi ke -2*. Kuala Lumpur: PTS

Professional Publishing Sdn Bhd.

- Sharifah Haayati Syed Ismail. Dr. (2000). Budaya dan Etika Kerja Tempatan dan Pengaruhnya Terhadap Perubahan Hukum. *Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa III Peringkat Kebangsaan*.
- Suhardana, K. M. (2009). *Panca Sraddha Lima Keyakinan Umat Hindu*. Surabaya: Paramita.
- Swami, Harshananda. (2008). *A Concise Encyclopedia of Hinduism*, vol. 3, h. 528.  
Ramakrishna Math, Bangalore.
- Swami, Nirvedananda. (1944). *Hinduism at a Glance*, h. 25, Ramakrishna Mission Calcutta Students Home.